

Berita Harian

SELASA, 28 MEI, 1985

MASIH ADA YG SONGSANG

AJARAN songsang masih merupakan satu masalah di kalangan masyarakat Islam di sini. Walaupun beberapa pendedahan dan peringatan telah dibuat sebelum ini, namun masalah tersebut masih tetap wujud dari masa ke masa. Apa yang menghairankan ialah masalah itu berlaku dalam sebuah masyarakat perbandaran seperti Singapura yang tinggi taraf pendidikannya. Walaupun keanggotaan kumpulan-kumpulan tersebut lazimnya tidak ramai, namun jika tidak dikekang, ia boleh merebak dengan segera, apatah lagi apabila kumpulan-kumpulan itu mampu menawarkan sesuatu "kelebihan" yang luar biasa kepada para pengikutnya.

Contoh terbaru kegiatan serupa ini ialah dalam bentuk kumpulan-kumpulan silat bercorak kebathinan. Menurut Seti-usaha Agung Persisi (Persekutuan Silat Singapura), Encik Johari Uriff, terdapat kira-kira 10 buah kumpulan serupa itu dengan keanggotaan antara 20 dengan 50 orang, yang bergerak di sini ketika ini. Persisi tentu sekali mempunyai bukti yang cukup sebelum membuat kesimpulan tentang kegiatan kumpulan-kumpulan itu. Dan tidaklah keterlaluan untuk mengatakan bahawa kumpulan-kumpulan serupa ini sering menarik perhatian anak-anak muda, sebab kemampuannya membekalkan mereka dengan ilmu yang melanggar hukum "sebab dan akibat."

Ada pihak yang mendakwa bahawa adalah lebih baik untuk melibatkan anak-anak muda dalam kegiatan serupa itu daripada membiarkan mereka menghabiskan masa dengan tidak tentu haluan di tepi pantai, pusat beli-belah dan tempat-tempat lain seumpama itu. Namun, apa yang kurang disedari oleh pihak ini ialah tentang peri perlunya usaha menarik anak-anak muda itu dilakukan dengan cara yang betul, dan yang tidak melanggar ajaran Islam yang sebenar. Dalam hubungan ini, adalah lebih baik dan selamat bagi anak-anak muda yang ingin mempelajari sesuatu jenis silat itu supaya mendapatkan nasihat terlebih dulu dari Persisi, untuk memastikan benar atau tidaknya ajaran yang diselitkan oleh kumpulan yang mengajar silat berkenaan. Pada masa yang sama, nasihat dari Muis juga tentunya boleh didapatkan pada bila-bila masa, apabila timbul keraguan mengenai sesuatu amalan yang bersifat keagamaan.